

Pelajar diingatkan berfikiran matang

KUANTAN 6 Julai - Para pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) diingatkan supaya sentiasa berfikiran matang dan memiliki sahsiah terpuji kerana ia antara ciri terpenting untuk menjadi individu cemerlang.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, selain berfikiran matang dan sahsiah terpuji, mereka juga harus sentiasa bersikap proaktif dalam berhadapan dengan sesuatu keadaan atau sebarang cabaran.

"Para pelajar perlu menghayati dan memahami prinsip dan nilai-nilai yang terkandung di dalam visi, misi, falsafah serta nilai-nilai teras UMP.

"Ia amat penting kerana model seseorang

pelajar UMP adalah berasaskan kepada perkara-perkara tersebut," katanya ketika menyampaikan amanat kepada para pelajar baru bagi sesi kemasukan 2008/2009 di kampus induk UMP di sini semalam.

Dalam ucapannya, Daing Nasir juga berkata, kecemerlangan seseorang pelajar amat bergantung kepada personaliti, akhlak, tutur kata, kekuatan rohani dan ketinggian ilmu.

Beliau menyeru pelajar menggunakan kesempatan dan memanfaatkan segala peluang yang disediakan di UMP untuk membina karisma dan keyakinan diri.

Selain itu, beliau berharap agar mereka bersedia dilatih dan dibentuk untuk menjadi insan yang teguh nilai dan jati diri ke arah

berperanan sebagai teknokrat berintegriti.

"Andasekalian perlu serius dalam memandang masa hadapan. Cabarannya memang banyak dan anda perlu kuat dalam menangani segala masalah dan rintangan untuk menjadi manusia yang berilmu pengetahuan," ujarnya.

Paling penting, tegas beliau, pelajar baru harus berpegang kepada matlamat belajar sebagai tujuan utama mereka memasuki universiti.

Dalam perkembangan lain, Daing Nasir berkata, UMP mencatatkan jumlah pengambilan pelajar paling tinggi tahun ini sejak penubuhannya pada 2002 iaitu meningkat sebanyak 270 orang berbanding tahun sebelumnya.

Seramai 2,030 pelajar pelbagai jurusan dan peringkat pengajian mendaftar di kampus Gambang, Selasa lalu, katanya.

Daripada jumlah itu, jelas beliau, lebih 60 peratus calon yang ditawarkan adalah lulusan kolej matrikulasi dan selebihnya lulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan lepasan diploma.

Mulai tahun ini, katanya lagi, UMP turut menawarkan empat program baru iaitu Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan, Sarjana Muda Sains Gunaan (Kepujian) Kimia Industri, Sarjana Muda Pengurusan Projek, Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Industri dan Sarjana Muda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.